

# Pustakawan agen perubahan sosial bukan sekadar penjaga rak buku

**Azizan Arshad,**  
Pustakawan  
Kanan,  
Perpustakaan  
Sultan  
Abdul Samad,  
Universiti Putra  
Malaysia

**Hari** Pustakawan diraikan komuniti perpustakaan di seluruh negara pada 6 Jun sebagai tanda penghargaan kepada individu berdedikasi membangunkan masyarakat berpengetahuan.

Tahun ini, tema 'Memanfaatkan Keterangkuman, Memperkasakan Kemanusiaan' menyerlahkan peranan pustakawan dalam menyatupadukan pelbagai golongan masyarakat melalui perkhidmatan inklusif, relevan dan berteraskan nilai kemanusiaan.

Pada zaman menyaksikan wujud jurang digital, ketidaksamaan maklumat dan cabaran literasi, perpustakaan kekal sebagai tempat selamat lagi inklusif membuka peluang untuk semua.

Sama ada kanak-kanak daripada keluarga B40, golongan warga emas ingin celik teknologi, pelajar dengan keperluan khas, mahupun komuniti luar bandar memerlukan akses kepada bahan pembelajaran, perpustakaan hadir sebagai penyambung harapan.

Keterangkuman dalam konteks perpustakaan bukan hanya pada akses fizikal, tetapi dalam kandungan koleksi, program komuniti dan pendekatan perkhidmatan.

Pustakawan hari ini berusaha menyesuaikan perkhidmatan dengan keperluan pelbagai pengguna daripada koleksi Braille dan audio, ke ruang pembelajaran fleksibel, perkhidmatan dalam talian dan panduan maklumat digital.

Pustakawan bukan sekadar penjaga rak buku. Mereka pemudah cara ilmu, pelindung integriti maklumat dan pendidik mengasuh masyarakat supaya menjadi pengguna maklumat beretika.

Di tengah gelombang maklumat dan berita palsu serta ketidakpastian digital, pustakawan tampil sebagai sumber kepercayaan membantu pengguna menilai dan menggunakan maklumat secara bertanggungjawab.

Pustakawan berperanan sebagai agen perubahan

sosial. Mereka menggalakkan perbincangan mendekatkan masyarakat dengan isu semasa, memberi ruang kepada komuniti untuk bersuara.

Era pasca-pandemik merubah landskap perkhidmatan perpustakaan. Peralihan ke arah digital bukan sahaja mencabar pustakawan dari sudut teknikal, malah menuntut perubahan dalam pendekatan penyampaian maklumat.

Ramai pustakawan kini melangkah ke hadapan dengan memanfaatkan teknologi seperti perkhidmatan dalam talian, platform media sosial, perpustakaan maya dan khidmat rujukan secara digital.

Di samping itu, kemunculan teknologi kecerda-



*Pustakawan tampil sebagai sumber kepercayaan membantu pengguna menilai dan menggunakan maklumat secara bertanggungjawab.*

(Foto hiasan)

san buatan (AI) turut membawa cabaran baharu kepada pustakawan. Sistem AI, kini boleh menghasilkan maklumat dalam sekelip mata, namun kebenaran dan ketepatannya sering menjadi tanda tanya.

Pustakawan perlu memainkan peranan penting mendidik pengguna supaya bijak menilai maklumat dijana AI serta mempunyai kesedaran terhadap elemen berat sebelah, etika dan implikasi sosial yang mungkin timbul.

## **Pendidik literasi digital**

Dalam konteks ini, pustakawan bukan sahaja bertindak sebagai penyaring maklumat, tetapi pendidik literasi digital dan pemudah cara pemikiran kritis dalam era automasi maklumat.

Namun, di sebalik kemajuan teknologi, sentuhan manusia dan empati tetap menjadi teras kepada profesion ini. Pustakawan tidak hanya memberi maklumat, tetapi membina hubungan, memahami keperluan pengguna dan menyokong kesejahteraan emosi dalam proses pembelajaran.

Pada masa depan, perpustakaan perlu terus bergerak sebagai pusat pembelajaran sepanjang hayat, tidak hanya menyimpan maklumat, tetapi membina jati diri, empati dan kesedaran sosial.

Maka, pustakawan perlu diberi sokongan berterusan dalam aspek latihan, pemerkasaan profesional dan pengiktirafan peranan mereka dalam agenda nasional, termasuklah Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) dan Malaysia MADANI.

Dalam dunia serba mencabar, pustakawan menjadi benteng menjaga nilai kemanusiaan dengan memastikan setiap individu, tanpa mengira latar belakang, mendapat layanan adil mendapat akses kepada maklumat dan pendidikan.

Mereka tidak hanya memperjuangkan keterangkuman, tetapi turut menyemarakkan harapan kepada masa depan lebih adil, berpengetahuan dan berperikemanusiaan.